



BULETIN INSTUN

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

FEBRUARI 2024



**BENGKEL AUDIT DALAMAN
SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK)
MS ISO 9001:2015** Muka Surat 12

**MAJLIS APRESIASI PRESTASI,
SANJUNGAN BUDI DAN LAMBAIAN KASIH**
Muka Surat 15



KURSUS
PENGURUSAN HARTA
PUSAKA
DI BAWAH AKTA
HARTA PUSAKA KECIL
PEMBAHAGIAN
(PEMBAHAGIAN) 1955
Muka Surat 2

**MENARIK
DI DALAM**

KURSUS
SISTEM
KOORDINAT
DI MALAYSIA
Muka Surat 8

ISSN 2600-853X



9 772600 853003



www.instun.gov.my



Institut Tanah Dan Ukur Negara



[instun_official](https://www.instagram.com/instun_official)



INSTUN



INSTUN ACADEMY

#INSTUN25tahun #MelakarKegemilanganMendahuluiCabaran

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
TUAN KHAIRIN NAZRY BIN KARIM

PENASIHAT
ENCIK JACOB RAJU A/L JAYADURAI

KETUA EDITOR
ENCIK ABDUL RASHID BIN OMAR

PEREKAAN & GRAFIK
ENCIK MOHAMAD HAFIZ BIN ABDUL AZIZ

SIDANG EDITOR

UKP BPP

UKP BPPT

UKP BUP

UKP BTM

UKP INSTUN

DARI KETUA EDITOR

Syukur ke hadrat illahi, buletin INSTUN 2024 bagi bulan Februari telah berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin instun ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Januari. Ia jugak adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsi bersama tentang informasi aktiviti yang telah dijalankan selari dengan perancangan di dalam takwin INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadikan peransang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan Aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti penyelaras buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin instun pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.





KURSUS DALAM TALIAN: PENGURUSAN HASIL TANAH (TLED4/24)



TARIKH : 6 -7 Februari 2024

TEMPAT : Dalam talian

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 70 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan aspek pengurusan hasil tanah. Penceramah INSTUN En En Zahar bin Sapar dan penceramah jemputan Tn Hj Ab Aziz bin Ismail, En Zolkifli bin Mohd Idris dari SUK Negeri Perak dan Pn Norazillawati binti Md Azizi dari UPEN Selangor.



KURSUS PENGURUSAN HARTA PUSAKA DI BAWAH AKTA HARTA PUSAKA KECIL PEMBAHAGIAN (PEMBAHAGIAN) 1955 BAGI ANGGOTA PEMBAHAGIAN PUSAKA

TARIKH : 5-7 Februari 2024

TEMPAT : INSTUN

PENCERAMAH : En Mohd Zaki Bin Mohd Noh.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 36 orang terdiri daripada pegawai pusaka seluruh semenanjung malaysia. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Prosedur Permohonan Seksyen 8 Dan Notis Perbicaraan
- Prosedur Permohonan Seksyen 17 dan Notis Perbicaraan
- Penyediaan Perbicaraan dan Penyediaan Perintah
- Pembahagian Harta Pusaka Di Bawah Akta Tanah (Kawasan-Kawasan Penempatan Berkelompok 1960)
- Akta Pembahagian 1958 dan Undang-Undang lain yang berkaitan
- Faraid
- Faraid Lanjutan dan Latih Amal



KURSUS DALAM TALIAN: ASAS HAKMILIK STRATA

TARIKH : 14 – 15 Februari 2024

TEMPAT : Dalam Talian Zoom Meet

PENCERAMAH: Pn Suhaila binti Ibrahim
En Muhammad Haziq Syuwari bin Mahazir
En Farhan bin Hassan
En Che Adzhan bin Che Adenan



RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 77 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Pengenalan Akta Hakmilik Strata 1985
- Permohonan Hakmilik Strata, Syarat Kelulusan dan Pendaftaran Hakmilik Strata
- Cukai Bagi Petak Atau Blok Sementara
- Pembangunan Petak Hakmilik Strata (Pecahan Dan Penyatuan)
- Penamatan Skim Strata dan Pecah Bahagi Bangunan dan Pengambilan Hak Milik Strata
- Penguatkuasaan dan Pendakwaan di Bawah Akta Hakmilik Strata 1985
- Pengurusan Skim Strata di Bawah Akta Pengurusan Strata 2013



KURSUS DALAM TALIAN: PEROLEHAN DAN PENGURUSAN TANAH PERSEKUTUAN (TLE06/24)

TARIKH : 20-22 Februari 2024

TEMPAT : Kursus Dalam Talian (Zoom Meeting)

PENCERAMAH : En Azman bin Mad Dali dan En Khalek bin Saad.



RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 64 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan dalam aspek perolehan dan pengurusan tanah persekutuan.



KURSUS SIJIL PENTADBIRAN TANAH: MODUL 1 BILANGAN 1 (MODUL KANUN TANAH NEGARA 1)

TARIKH : 26 Februari hingga 1 Mac 2024

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Geomatik, Blok Akademik C, INSTUN

PENCERAMAH :

- Pn. Zaiteena binti Wan Nasir
- Hj. Ab. Aziz bin Ismail
- En. Mohd Yusaimi bin Mat Yusof
- Dr. Nor Akma binti Ibrahim

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 18 orang terdiri daripada Pegawai Tadbir dan Diplomatik/ Pegawai Tadbir Negeri dan Persekutuan. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta berkaitan peruntukkan yang bersangkutan dengan pentadbiran tanah.

Kandungan Kursus:

1. Sistem Pentadbiran Tanah di Malaysia
2. Pelupusan Tanah, bentuk-bentuk hakmilik
3. Kategori dan syarat tanah
4. Pembangunan Tanah di bawah Kanun Tanah Negara
5. Pembentangan kursus dan Ujian.



PERHIMPUNAN BULANAN INSTUN BIL.1/2024

2 Februari 2024

Sudah menjadi kelaziman setiap tahun untuk diadakan perhimpunan dalam kalangan kakitangan di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) bagi mendengar amanat YBr. Pengarah INSTUN serta slot pengisian berbentuk maklumat dan aktiviti yang telah disempurnakan di bahagian serta seksyen. Kini Bahagian Ukur dan Pemetaan menjadi urusetia penganjur bagi program yang cukup penting ini.

Semua kakitangan INSTUN berkumpul di Dewan Kuliah Utama seawal 8.30 pagi untuk mengikuti tentatif yang telah disusun. Pengarah INSTUN menyampaikan amanat beliau kepada seluruh kakitangan bagi memberi kesedaran dan semangat di tahun 2024. Seterusnya diikuti Ketua Program Ukur Kadaster yang berkongsi maklumat berkenaan persempadanan juga pengucapan daripada Ketua Bahagian Teknologi Maklumat berhubung PADU, AI dan MyID. Sekitar program, turut diadakan Majlis Penyerahan Buku "Aku & Dunia Ukur" kepada tokoh dan penulis yang telah dicoret dalam lembaran buku dihasilkan ini. Sebagai makluman, buku ini akan dipertandingkan di Anugerah Buku Negara.

Sebagai melengkapkan program, YBr. pengarah INSTUN telah memotong kek sempena hari lahir beliau sendiri yang turut jatuh pada 2 Februari. Semoga tahun 2024 ini akan menjadikan INSTUN cecal melakar kegemilangan dan sentiasa mendahului cabaran.



KURSUS PEMAHAMAN PERMOHONAN UKUR (PU) DIGITAL DAN JUPEM2U

7 Februari 2024

Seramai 164 orang peserta kursus telah berjaya menghadiri kursus ini. Para penceramah kursus yang terlibat dalam menyampaikan Permohonan Ukur (PU) Digital dan JUPEM2U adalah:

1. Sr Ahmad bin Omar (INSTUN)
2. Sr Mohd Zaidi bin Zakaria (INSTUN)

Tujuan kursus ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan dan Memberi kefahaman terhadap penyediaan Permohonan Ukur (PU) digital dan JUPEM2U. Disamping itu, penganjuran kursus ini juga adalah bagi membantu dalam proses kerja pengeluaran Permohonan Ukur yang mana penting dalam melaksanakan proses kerja terlibat yang sedang berkuatkuasa. Keperluan kursus yang dijalankan ini sebenarnya turut dapat meningkatkan kemahiran diri dan pengetahuan peserta secara amnya. Slaid pembentangan, nota dan video kursus juga turut diberi kepada para peserta untuk lebih faham secara lebih jelas terhadap apa yang disampaikan oleh penceramah kursus.

Berdasarkan penilaian yang telah diberikan oleh peserta, mereka berpuas hati dengan pengisian kursus dari aspek slot ceramah dan penyediaan bahan kursus. Segala cadangan dan usul yang telah dimaklumkan oleh para peserta akan dipertimbangkan dan penambahbaikan akan dilakukan pada masa akan datang bagi melicinkan perjalanan kursus yang seterusnya.



KURSUS SISTEM KOORDINAT DI MALAYSIA

20 - 22 Februari 2024

Seramai lapan (8) orang peserta dari kalangan agensi kerajaan dan swasta telah hadir mengikuti kursus yang dijalankan ini. Kursus yang berlangsung selama tiga (3) hari ini dilaksanakan di Pusat Kecemerlangan Ukur Geodetik (PKUG) Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

Tenaga pengajar yang terlibat ialah dari anggota kakitangan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Ibu pejabat dan juga INSTUN. Mereka ialah Sr Dr Muhammad Asyran bin Che Amat, Sr Nor Azri Juhari bin Ahmad, Sr Zakaria bin Abdullah serta Sr Norfariza binti Zainal.

Topik yang disampaikan kepada peserta kursus melibatkan Pengenalan Jaringan Kawalan geodetic, Datum Geosentrik Malaysia 2000 (GDM 2000), penukaran system koordinat dan transformasi datum serta latih amal yang berkaitan system koordinat di Malaysia. Semoga peserta dapat memahami dengan lebih mendalam berkenaan datum yang diguna pakai dalam kerja-kerja melibatkan kadaster ,pemetaan serta geodetik.



KURSUS DALAM TALIAN: PEMBANGUNAN CONTENT KREATIF MEDIA SOSIAL (COPYWRITING & ADS)-SESI 1 (TME01/24)

TARIKH : 06 Februari 2024

TEMPAT : Kursus Dalam Talian




Kursus dalam Talian: Pembangunan Content Kreatif Media Sosial (Copywriting & Ads) - Sesi 1 (TME01/24) merupakan salah satu kursus anjuran BTM yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2024 di bawah kategori Asas Penerbitan Video. Kursus ini dilaksanakan selama satu (1) hari, iaitu pada 06 Februari 2024.

Kursus ini telah melibatkan seramai 200 orang peserta berdaftar dari pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Swasta. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus ini dilaksanakan sepenuhnya secara langsung (live) menerusi aplikasi Zoom yang melibatkan penyampaian teori secara ceramah dan latih amal (hands-on lab) yang turut disertai oleh semua peserta dengan bimbingan Penceramah secara dalam talian.

Objektif kursus ini adalah supaya peserta dapat memberi pendedahan kepada para peserta berkenaan kaedah copy writing untuk pengurusan content dalam media sosial, memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para peserta berkenaan kaedah Ads dalam media sosial dan mengetahui cara memulakan pengiklanan di platform media sosial dengan membangunkan iklan yang berkesan.


Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah dari Infra Minda Global Sdn. Bhd iaitu Tc. Sharif Zulkepele Bin Sharif Harun serta barisan Urus Setia dari Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN serta semua peserta kursus yang telah menayakan kursus ini.





sambungan.....



Penceramah: Tc. Sharif Zulkepele Bin Sharif Harun



Sesi Kursus sedang berlangsung.



Urus Setia BTM di belakang tabir.

MESYUARAT BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (BPP) BIL.1/2024

6 Februari 2024
Bilik Mesyuarat Perpustakaan, INSTUN



Mesyuarat Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (BPP) telah diadakan dengan jayanya bagi kali pertama untuk tahun 2024 di Bilik Mesyuarat Perpustakaan, INSTUN. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Bahagian BPP, Encik Jacob Raju A/L Jayadurai dan telah dihadiri oleh 16 orang kakitangan BPP.

Antara agenda utama mesyuarat ini adalah untuk membentangkan gerak kerja setiap seksyen dan membincangkan sebarang isu serta hal-hal yang berkaitan agar urusan kerja berjalan lancar dan mudah.



BENGKEL AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) MS ISO 9001:2015

27-28 Februari 2024


Pusat Kalibrasi Ukur Geodetik (PKUG), INSTUN

Pada 27 dan 28 Februari 2024, Bengkel Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 telah diadakan di Pusat Kalibrasi Ukur Geodetik (PKUG), INSTUN.

Bengkel ini disampaikan oleh penceramah dari EQ Management Associates Sdn Bhd, Encik Harol Nizam bin Ngah dan melibatkan seramai 30 orang pegawai yang terdiri daripada Pasukan Audit Dalaman (PAD) serta urus setia. Bengkel melibatkan anggota-anggota dari PAD yang baharu dilantik bagi sesi 2024/2026 dan sememangnya memerlukan pendedahan-pendedahan berkaitan audit untuk memantapkan prosedur pengauditan mengikut piawaian semasa.



PROGRAM JOM SIHAT@INSTUN



7 Februari 2024 (7.45 pagi – 10.00 pagi)
 14 Februari 2024 (7.45 pagi – 10.00 pagi)
 21 Februari 2024 (7.45 pagi – 10.00 pagi)
 28 Februari 2024 (7.45 pagi – 10.00 pagi)
 Kampus INSTUN



Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (BPP) telah mengadakan Program Jom Sihat@INSTUN pada setiap hari Rabu. Program ini diadakan dari pukul 7.45 pagi sehingga 10.00 pagi dengan pengisian aktiviti sukan seperti jogging, briskwalk, berbasikal, bermain badminton dan aktiviti sukan yang lain. Warga INSTUN bebas melakukan aktiviti sukan pada waktu yang ditetapkan atas kebenaran Ketua Bahagian masing-masing.



KURSUS PENGENALAN KEPADA KESELAMATAN PERLINDUNGAN


TARIKH : 20 Februari 2024

TEMPAT : Dalam Talian Zoom Meet

PENCERAMAH: Encik Muhammad Firdaus bin Jais, INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah disertai oleh seramai 65 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan sektor awam daripada pelbagai jabatan, jawatan dan gred. Kursus ini memberikan pendedahan terhadap kepentingan Keselamatan Perlindungan dalam persekitaran kerja. Objektif kursus ini adalah memberikan kesedaran serta kepentingan Keselamatan Perlindungan secara asas iaitu:

- Pengenalan Kepada Keselamatan Perlindungan
- Keselamatan Fizikal
- Keselamatan Dokumen
- Keselamatan Peribadi



MAJLIS APRESIASI PRESTASI, SANJUNGAN BUDI DAN LAMBAIAN KASIH

Sekyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara telah berjaya menganjurkan Majlis Apresiasi Prestasi, Sanjungan Budi dan Lambaian Kasih INSTUN 2023 pada 23 Februari 2024 di Dewan Bankuet, Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Meru, Ipoh, Perak. Secara keseluruhannya, majlis ini telah dihadiri oleh seramai 55 orang kakitangan INSTUN, seorang (1) pesara pada tahun 2023 dan dua puluh tujuh (27) orang penerima anugerah serta ahli keluarga masing-masing.

Objektif majlis ini adalah untuk memberi penghargaan ke atas sumbangan pegawai dan kakitangan untuk terus berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada institut ini, memberi kesedaran kepada semua pegawai bahawa mereka amat penting serta Institut amat menghargai sumbangan dan jasa setiap pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat; dan Mengiktiraf pencapaian dan prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan serta memberi dorongan kepada pegawai dan kakitangan yang lain serta Meraikan pegawai yang telah bersara pada tahun 2023 sebagai tanda penghargaan atas jasa-jasa dan komitmen beliau.

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang seperti berikut:

- i) Puan Siti Zubaidah binti Ibrahim
- ii) Puan Raihana binti Ismail
- iii) Encik Mohd Rozaini bin Mat Radzi
- iv) Puan Norhafisah binti Abdul Ghani
- v) Encik Hafizul Husni bin Mohamed Sidin
- vi) Sr Khadijah binti Sahdan
- vii) Sr. Zakaria bin Abdullah
- viii) Puan Nor Rasyidah binti Abdul Aziz
- ix) Encik Adzrizal bin Adnan
- x) Puan Lizawati binti Zainal
- xi) Puan Siti Kalsum binti Ibrahim

Penerima Anugerah Keterampilan INSTUN seperti berikut:

- i) Mohd Harizi bin Mohd Aris
- ii) Rifi Razarni binti Seperi
- iii) Amallia binti Mohd Sabry
- iv) Mohd Zarif bin Mohd Zaki
- v) Muhammad Shahfaris bin Ibrahim
- vi) Erni Safura binti Awang
- vii) Suhaila binti Ibrahim
- viii) Syazleena binti Yahya
- ix) Nur Faiezah binti Mohamad Hanafiah
- x) Malini a/p Balasubramaniam
- xi) Mohd A'bdul bin Jailani
- xii) Sr. Abdul Fatah bin Ibrahim



Penerima Anugerah Penceramah Cemerlang seperti berikut:

- i) Azman bin Mad Dali
- ii) Sulaimi bin Ahmad
- iii) Sr Fazili Anuar bin Md Yusuf

Penerima Anugerah Penceramah Muda Cemerlang seperti berikut:

- i) Rosdi bin Mohd Yaacob



KURSUS IKHTIAR HIDUP : RISIKO DAN GANJARAN SIRI 1

TARIKH : 27 hingga 29 Februari 2024

TEMPAT : Campsite INSTUN dan Pusat Kecemerlangan Multimedia (PKMM)

PENCERAMAH : - Encik Romran bin Seman
- Ustaz Mohd Ridhzuwan bin Ahmad

Kursus ini telah disertai seramai 23 orang peserta , pegawai dan kakitangan sektor awam daripada pelbagai latar belakang jabatan, jawatan dan gred. RINGKASAN PROGRAM : Objektif kursus adalah bagi memantapkan sahsiah dan keyakinan diri di kalangan penjawat awam serta menguatkan daya ketahanan mental dan fizikal penjawat awam dalam menghadapi cabaran dalam pekerjaan.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah:

- Mission Impossible
- Pengenalan Asas Ikhtiar Hidup (Teori & Praktikal)
- Jungle Trekking
- Teratak Hujung Kampung
- Solo Night Line
- Night Vision
- Obstacle
- Mencari Jalan Pulang
- Who Am I



